

14/03/2002

UUM miliki landskap terindah

Faiza Zainudin

PADA awal penubuhannya kira-kira 18 tahun lalu, ramai ibu bapa khususnya di sebelah selatan Semenanjung, berat hati untuk melepaskan anak mereka menyambung pelajaran di Universiti Utara Malaysia (UUM) kerana kedudukannya yang jauh ke utara.

Apatah lagi, kedudukannya di daerah Sintok, juga agak jauh ke kawasan kampung iaitu kira-kira 60 kilometer dari Alor Star.

Anggapan seumpama itu bukanlah sesuatu yang menghairankan bagi sesebuah institusi yang baru beroperasi, malah senario sama juga pernah dilalui oleh semua universiti seperti UKM, UPM dan UTM.

Namun setelah beroperasi Februari 1984 semua gambaran negatif terhadap UUM khususnya mengenai persekitaran dan suasana kampusnya sudah berubah sama sekali, malah kampus UUM menjadi antara IPTA yang dikagumi ramai, seiring dengan pencapaian akademiknya.

Udara segar tanpa pencemaran dan hiruk-pikuk kebisingan kota menjadikan kampus bernilai RM580 juta itu amat sesuai sebagai pusat pengajian tinggi.

Kampus seluas 1,061 hektar itu dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengurusan dengan pembinaan seni landskap yang begitu indah dengan mengekal ciri-ciri alam semula jadi seperti sungai, tasik, flora dan fauna, yang dikagumi setiap pengunjung.

Maka tidak menghairankan, institusi yang membangun bersama sumber alam untuk tujuan rekreasi dan pelancongan itu dianugerahi johan Pertandingan Landskap Peringkat Kebangsaan 2001 kategori kolej, institusi pendidikan dan latihan.

Anugerah wang tunai RM5,000, sijil dan plak itu disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UUM, Prof Datuk Dr Elias Salleh, bersempena sambutan Hari Landskap Negara 3 Mac lalu, di Kuala Lumpur City Centre.

Ketika ditemui, Dr Elias menyatakan perasaan bangganya dengan penghargaan yang diterima itu biarpun UUM masih 'setahun jagung' dalam program mengindahkan kampus itu, berbanding IPTA lain.

Beliau berkata, UUM memiliki kelebihan kerana mempunyai kampus yang luas dengan menawarkan alam semula jadi menarik seperti hutan, sungai dan tasik.

Katanya, pihak UUM mengekalkan suasana alam itu dengan menawarkan landskap menarik seperti air sungai yang mengalir di tengah kampus dan beberapa tasik kecil dipindahkan dari lombong yang diubah suai untuk kemudahan rekreasi seperti memancing.

"Pihak kami juga memanfaatkan hutan hijau untuk kemudahan rekreasi dengan menawarkan laluan meredah hutan sepanjang 3,017 meter, selain untuk aktiviti berkhemah dengan kemudahan terkini seperti surau dan pejabat.

"Dari situ, mereka juga berpeluang melihat dan alami sendiri keenakan buah-buahan yang kita tanam di dusun buah-buahan komersial seluas 38.5 ekar dan dusun buah-buahan hutan seluas 19.4 ekar yang menyajikan jenis buah-buahan yang sukar didapati hari ini seperti keranji, berangan dan berembang.

"Orang ramai yang membawa keluarga masing-masing untuk melawat saudara-mara mereka di kampus ini berpeluang berehat di taman semula jadi seluas 140 ekar.

"Mereka akan terhibur melihat secara 'live' haiwan seperti rusa dan banyak lagi, selain boleh memancing dan melihat pelbagai spesies burung di pusat santuarinya.

"Begitu juga di pondok rehat Taman Bestari seluas lapan hektar, orang ramai juga pasti tertarik dengan keindahan landskap di taman herba, orkid dan habitat rama-rama yang ditumbuhi pelbagai spesies tumbuhan seperti palma, buluh, pandan dan ampair selain kaktus," katanya ketika ditemui di pejabatnya, di kampus UUM, baru-baru ini.

Turut hadir ialah Pengarah Pembangunan UUM, Ir Chong Boo Choon.

Dr Elias berkata, orang ramai juga berpeluang melihat keindahan panorama sekitar kampus dengan mendaki Puncak Vista yang terletak 90 meter dari aras laut di Kolej Kediaman Maybank dan juga bermain golf sembilan lubang di kawasan seluas 85 ekar.

Beliau berkata, keindahan landskap UUM tidak terhad kepada keindahan alam semula jadi yang terpelihara dan mendamaikan suasana, malahan dihiasi dengan seni landskap menarik di sekitar bangunan yang mempunyai seni bina canggih.

Contohnya, katanya, tarikan orang ramai ke sini ialah Dataran Perdana di Bangunan Canselori dan Taman Botani seluas 20 ekar yang mempunyai taman dan kolam air pancutan, sesuai sebagai tempat untuk pelajar berehat dan berbincang.

"Selain itu, seni bina moden menarik terdapat di pusat sukan universiti yang menawarkan reka bentuk canggih seperti di Bukit Jalil bagi menempatkan pelbagai jenis sukan seperti sukan air, gelanggang memanah dan gelanggang trek.

"Kedamaian di universiti ini menjadi keutamaan pihak pengurusan bagi memastikan pelajar dapat belajar dalam suasana tenteram, selesa dan tenang, jauh daripada udara tercemar dan gangguan kebisingan.

"Bagi memastikan kedamaian itu berterusan, UUM menetapkan pelajar tidak dibenarkan membawa motosikal atau kenderaan di sekitar kampus bagi mengelakkan bunyi bising, kemalangan, perlakuan sumbang dan kesesakan tempat meletak kenderaan.

"Begitu juga dalam memastikan keindahan dan kebersihan UUM, pihak kami mengupah kontraktor untuk melaksanakan pelbagai kerja pembersihan dan pemotongan mengikut jadual sepanjang tahun," katanya.

Dr Elias berkata, keindahan di dalam satu kampus merangkumi ciri moden dan tradisional inilah yang membantu UUM memenangi pertandingan itu dalam pelbagai kriteria yang ditetapkan.

Antaranya, pemeliharaan landskap dan alam sekitar, reka bentuk dan susunan landskap, penyelenggaraan, kebersihan serta keindahan kawasan persekitaran universiti.

"Menerusi peruntukan pembangunan RM5 juta dari Kerajaan Pusat pada 1991, kita menggunakan sebaik mungkin untuk pemeliharaan tanaman yang mempunyai ciri keaslian tempatan, pengekalan fizikal semula jadi termasuk topografi, pemilihan jenis tanaman yang sesuai, rawatan dan penjagaan tanaman serta kesuburan tanaman.

"Kita akan mengekalkan tahap kampus UUM yang dikelilingi bukit-bukau dan hutan hujan tropika ini sebagai kampus dalam taman dan terindah di rantau ini, selain sebagai satu produk pelancongan yang boleh dibanggakan negara," katanya.

(END)